

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**KESAN MODUL KONSULTASI
TERAPEUTIK PENDEKATAN
AL-GHAZALI (KITA) TERHADAP
KESIHATAN MENTAL DAN
KECERDASAN SPIRITUAL DALAM
KALANGAN MAHASISWA**

AHMAD JANAIDI BIN AB GHANI

Tesis dikemukakan bagi memenuhi
keperluan untuk ijazah
Doktor Falsafah
(Pengajian Islam Kontemporari)

Akademi Pengajian Islam Kontemporari

Jun 2025

ABSTRAK

Permasalahan kesihatan mental dan kecerdasan spiritual dalam kalangan pelajar terutamanya di universiti semakin meruncing dan telah menjadi isu nasional. Sekiranya isu ini tidak dapat diurus dengan baik dan individu terus dalam fasa kedukaan akibat permasalahan itu akan mengganggu kecerdasan seseorang semasa proses pembelajaran. Statistik mahasiswa menghadapi masalah kesihatan mental di Universiti menunjukkan peningkatan daripada 7.9 peratus (424,000 orang) pada 2019 kepada 16.5 peratus (922,318 orang) pada tahun 2023. Tidak terkecuali di Universiti Teknologi MARA Shah Alam, statistik kehadiran pelajar ke Pusat Kesihatan kerana masalah kesihatan mental menunjukkan peningkatan mendadak pada tahun 2023 berbanding dua tahun sebelumnya. Pelbagai modul intervensi yang telah dilaksanakan untuk membantu membentuk tingkah laku pelajar dari pelbagai pihak, namun modul yang melibatkan peranan penasihat akademik sebagai pengantara untuk membantu mengubah pelajar dengan kes kesihatan mental sangat terhad. Sehubungan dengan itu, strategi intervensi adalah penting untuk membantu mengubah tingkah laku dalam kalangan pelajar yang menghadapi masalah kesihatan mental. Oleh itu, kajian ini mengkaji kesan modul konsultasi terapeutik pendekatan al-Ghazali (KiTA) terhadap kesihatan mental dan kecerdasan spiritual dalam kalangan pelajar. Modul ini menggunakan pendekatan *Cognitive Behavioral Therapy* (CBT) dan Pendekatan Al-Ghazali untuk meningkatkan tingkah laku positif dalam kalangan remaja. Kajian ini menggunakan reka bentuk kuasi eksperimen yang dijalankan di Universiti Teknologi MARA Shah Alam Selangor. Seramai 40 orang responden telah dipilih menggunakan persampelan bertujuan. Dua alat ukuran yang digunakan ialah *Depression Anxiety and Stress Scale* (DASS) dan *Spiritual Intelligence Self-Report Inventory* (SISRI 24). Data dianalisis menggunakan statistik deskriptif dan inferensi melalui SPSS. Hasil kajian yang di kumpul ke atas kumpulan rawatan mendapat markah yang lebih tinggi untuk kesihatan mental dan kecerdasan rohani yang baik selepas menerima intervensi KiTA berbanding kumpulan kawalan. Modul KiTA yang dijalankan menunjukkan kesan positif dalam meningkatkan tahap kesihatan mental dan kecerdasan rohani yang baik dalam kalangan pelajar. Kajian ini boleh menyumbang kepada perubahan tingkah laku positif yang konsisten dalam kalangan pelajar. Justeru itu, adanya pembentukan KiTA ini akan menjadi satu asas panduan perkembangan ilmu ke arah intervensi kelestarian modul yang mantap untuk digunakan oleh pelbagai pihak terutamanya IPTA/IPTS bagi membantu mengatasi perubahan pelajar yang mengalami masalah kesihatan dan seterusnya dapat meningkatkan kecerdasan spiritual dalam kalangan pelajar.

Kata kunci: Kesihatan Mental, Kecerdasan Spiritual, Mahasiswa, Pendekatan CBT, Pendekatan Al-Ghazali, Modul KiTA

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana memberikan kekuatan, keupayaan dan semangat kepada saya untuk menghasilkan tesis ini untuk memperoleh Ijazah Kedoktoran. Sekalung penghargaan diucapkan kepada penyelia yang dimuliakan lagi dikasihi iaitu Penyelia Pertama, Profesor Madya Dr. Azri Bin Bhari dan Penyelia Kedua, Profesor Dr. Noor Azniza Binti Ishak di atas segala bimbingan, komitmen dan kerjasama yang diberikan. Begitu banyak pengetahuan dan tunjuk ajar yang diberikan kepada saya sepanjang tempoh penyelidikan dilaksanakan. Tanpa keprihatinan, kesungguhan dan sokongan mereka, kajian ini tentu tidak dapat disempurnakan dengan baik.

Sekalung penghargaan buat Isteri tercinta Wan Naimah Binti Wan Daud, serta anakanda Ahmad Amirul Aiman dan Ahmad Ikram Humaidi di atas sokongan dan pengorbanan tinggi yang diberikan kepada saya selama ini. Semoga segala pengorbanan dan sokongan kalian semua mendapat petunjuk dan pertolongan dari Allah SWT dalam apa jua tugas yang kalian lakukan.

Semoga pengembaraan menuntut ilmu ini mendapat keredhaan dari Allah SWT. Akhir sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada sesiapa sahaja yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan kajian ini. Semoga segala kerjasama, pertolongan, sokongan dan dorongan yang diberikan akan mendapat ganjaran kebaikan daripada Allah S.W.T. Sekian terima kasih.

ISI KANDUNGAN

Muka Surat

PENGESAHAN OLEH PANEL PEMERIKSA	ii
DEKLARASI PENULIS	iii
ABSTRAK	iv
PENGHARGAAN	v
ISI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SIMBOL	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
JADUAL TRANSLITERASI	xviii

BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	1
1.3 Pernyataan Masalah Kajian	5
1.4 Persoalan Kajian	14
1.5 Objektif Kajian	15
1.6 Hipotesis Kajian	15
1.7 Kerangka Konsep Kajian	17
1.8 Kepentingan Kajian	19
1.8.1 Kepentingan kepada Perkembangan Ilmu dan Teori	19
1.8.2 Kepentingan kepada Bidang Kaunseling dan Psikologi	20
1.8.3 Kepentingan kepada Dasar dan Polisi	20
1.8.4 Kepentingan kepada Penyelidikan Masa Hadapan	21
1.8.5 Kepentingan kepada Masyarakat	22
1.9 Skop Kajian	22
1.10 Limitasi Kajian	23
1.11 Definisi Konsep	24
1.11.1 Pendekatan Al Ghazali	24

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Perkara yang dibincangkan dalam bab ini ialah, tentang latar belakang kajian, permasalahan kajian, persoalan kajian, objektif kajian serta memfokuskan kepada signifikan kajian, skop dan limitasi kajian. Bab ini juga turut membincangkan tentang kerangka konsep yang menjadi elemen penting dalam kajian ini.

1.2 Latar Belakang

Mahasiswa merupakan aset yang sangat penting dalam sesebuah negara yang mana mereka merupakan generasi yang akan meneruskan tampuk kepimpinan, kegemilangan pengurusan negara pada suatu masa nanti. Sememangnya amat mustahak dan perlu dalam sesebuah negara untuk melahirkan generasi yang mempunyai fizikal, minda yang sihat dan tingkah laku yang baik agar mereka menjadi individu yang sihat, cerdas dan sihat minda dan psikologi di dalam dunia yang mencabar dan sangat pesat. Zuhdi (2001) mendefinisikan mahasiswa sebagai suatu kelompok pelajar yang berada dalam peringkat paling tinggi dalam sistem pendidikan formal sesebuah negara. Tahap-tahap perkembangan manusia adalah rangkaian perubahan biologi, fizikal, emosi, psikologi dan sosial yang dilalui orang sepanjang jalan hidup mereka. Kategori mahasiswa biasanya terdiri daripada peringkat awal remaja (18-24 tahun) yang ditakrifkan juga sebagai pelajar atau penuntut di university yang berdaftar sepenuh masa atau separa bertujuan untuk mengikuti kursus pengajian di Universiti dalam mendapatkan suatu ijazah atau diploma (Hamidah et al., 2004).

Remaja (20-25 tahun), Pada peringkat ini, interaksi sosial orang dewasa pertama dimulakan, walaupun individu tersebut masih belum matang secara emosional. Antara ciri lain dari tahap perkembangan ini, kemuncak proses perkembangan fizikal. Individu mula mengalami dunia dengan visi yang lebih jelas tentang dirinya dan apa yang dia mahukan untuk masa depan. Dalam banyak kes, ini adalah tahap pembebasan, apabila individu mula menjana pendapatan sendiri dan meletakkan asas untuk kehidupan orang dewasa.